

**PRIHATIN NASIB RAKYAT, KDYMM PEMANGKU RAJA PAHANG KURNIA  
ELAUN DIRAJA KEPADA TABUNG COVID-19 PAHANG**

**KUANTAN, 24 MEI 2021:** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan Elaun Diraja selama empat bulan kepada Tabung COVID-19 Pahang.

Menteri Besar Pahang, YAB Dato ' Sri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata, baginda berkenan supaya elaun itu disumbangkan ke Tabung COVID-19 Pahang yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri.

“Patik hamba tua dan rakyat-jelata Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyanjung tinggi kurniaan ini, yang akan digunakan sewajarnya demi menangani apa juga kemaslahatan berkaitan wabak pandemik ini,” katanya dalam satu hantaran di laman sosial Facebook hari ini.

Setakat jam 12.00 tengah hari semalam, sebanyak 263 kes baru telah dilaporkan, menjadikan jumlah keseluruhan kes disahkan positif COVID-19 di Negeri Pahang adalah sebanyak 7,772 kes.

Terdapat 167 kes sembuh harian dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh sebanyak 6,430 kes manakala jumlah kematian adalah 47 kes. –

**PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang  
#Pahang1st  
#KerajaanNegeriPahang  
#PahangGo**

(LIPUTAN BERGAMBAR)



**MENJUNJUNG KASIH**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PEMANGKU RAJA PAHANG,  
TENGGU MAHKOTA TENGGU HASSANAL  
IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH  
RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
DK., SSAP., SIMP.**

Atas Perkenan

**MENGURNIAKAN ELAUN DIRAJA  
SEJUMLAH 4 BULAN  
KE TABUNG COVID-19 PAHANG**

Ampun Tuanku  
Tulus Ikhlas Daripada  
**Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail  
Menteri Besar Pahang**

